

UCAPAN YAB DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
DI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PELITAWANIS KE-8
PADA HARI SABTU, 30HB. JULAI, 1983
JAM 10.00 PAGI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pelitawanis kerana telah menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pelitawanis yang ke-8 pada hari ini.

2. Walaupun inilah pertama kalinya saya diberi kesempatan menghadiri majlis yang dianjurkan oleh Pelitawanis ini, namun suka saya menyatakan di sini nama Pelitawanis ini bukanlah satu nama yang asing pada diri saya kerana saya sentiasa mengikuti perkembangan yang berlaku di dalam persatuan ini.

3. Saya merasa amat bangga kerana Pelitawanis walaupun baru berusia 8 tahun, tetapi telah mencapai kemajuan yang baik dan telah berjaya mencapai matlamat asalnya untuk menimbulkan perpaduan di kalangan kaum wanita di Lembaga Letrik Negara ini, tanpa mengira status masing-masing. Saya secara tidak langsung telah memberi peluang kepada para isteri memahami akan keadaan kerja dan masalah-masalah yang dihadapi oleh suami mereka dalam pekerjaan. Saya harap dengan kesedaran yang ada ini, kaum isteri akan lebih bertimbang rasa dan memberi apa jua bantuan kepada suami masing-masing dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

4. Rasa muhibah yang terjalin di antara kaum isteri dengan kalangan pekerja-pekerja wanita juga adalah merupakan satu lagi faktor penting yang telah membuahkan suasana hidup

sebagai satu keluarga. Pendek kata persatuan ini telah berjaya memainkan peranannya sebagai sebuah persatuan yang bukan sahaja memberi perhatian kepada satu golongan tertentu sahaja, tetapi ianya merupakan sebuah persatuan yang menitik beratkan kepada kerja-kerja kebajikan, yang meliputi kakitangan dan keluarga. Ini adalah merupakan satu usaha yang baik yang patut digalakkan dan diteruskan. Keadaan hidup keluarga yang bahagia sudah tentu akan memberi kesan yang baik kepada kakitangan dalam menjalankan tugas mereka.

5. Saya rasa tidaklah keterlaluan kalau saya katakan bahawa Pelitawanis telah berjaya mewujudkan satu suasana kekeluargaan, yang diliputi oleh semangat muhibah dan kemesraan disemua kalangan kakitangan Lembaga, tidak kira peringkat, agama dan keturunan.

6. Di antara kegiatan-kegiatan Pelitawanis yang menarik minat saya ialah mengenai perpustakaan kanak-kanak Pelitawanis. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, untuk melahirkan sebuah negara yang mempunyai rakyat yang bertanggungjawab, didikan yang sempurna adalah menjadi tanggungjawab kaum dewasa terhadap kanak-kanak. Kita sebenarnya adalah bertanggungjawab secara langsung untuk mengasuh dan mendidik anak-anak bagi menyediakan mereka untuk menjadi rakyat yang berguna kepada negara. Salah satu dari didikan ini ialah dengan menanamkan semangat 'membaca' di kalangan kanak-kanak. Dari pembacaan, kanak-kanak akan dapat mempelajari dan mengenali buruk-baik sesuatu perkara itu, di samping menambah pengalaman dan pengetahuan. Minat membaca ini juga akan dapat menjauhkan anak-anak kita dari kegiatan-kegiatan lain yang tidak mempunyai manfaat. Saya juga berbangga dengan kegiatan Kelab Kreatif yang dianggotai oleh ahli-ahli Perpustakaan Pelitawanis. Semoga bakat-bakat terpendam di kalangan kanak-kanak dalam bidang lukisan, kerjatangan dan pertunjukan boneka akan dapat dicungkil.

7. Ada di antara mereka yang berjaya mendapat hadiah terbaik dalam Pertandingan Poster anjuran Sahabat Alam Malaysia. Saya mengucapkan syabas dan berharap usaha yang baik ini akan diteruskan.

8. Saya juga merasa bangga dengan perjalanan Tadika Pelitawanis yang memberi tempat kepada anak-anak pekerja yang bergaji rendah dengan bayaran bulanan sebanyak \$10.00 sahaja. Anak-anak pekerja yang inengikuti Kelas Tadika ini bolehlah menganggap diri mereka ini amat bertuah kerana mempunyai tempat seumpama ini. Kegiatan ini saya rasa adalah merupakan satu kegiatan yang benar-benar berbentuk kebajikan, bagi membantu pekerja-pekerja Lembaga yang bergaji rendah. Inilah satu pertolongan yang dapat diberikan oleh sebuah persatuan yang dikelolakan oleh kaum wanita -- satu kaum yang pada satu masa dahulu dianggap kaum yang lemah.

9. Di samping kegiatan-kegiatan kebajikan untuk membantu keluarga pekerja, saya juga difahamkan bahawa Pelitawanis juga mempunyai program biasa bagi menambah pengetahuan ahli-ahlinya sendiri, seperti kegiatan-kegiatan kelas masakan dan pertukangan tangan. Kegiatan-kegiatan ini juga adalah tidak kurang pentingnya, walaupun ianya merupakan satu kegiatan harian.

10. Saya berdoa ke hadrat Ilahi semoga Pelitawanis akan menjadi lebih aktif lagi di masa-masa hadapan, terutama dalam mengadakan rancangan-rancangan kebajikan di kalangan keluarga pekerja. Semangat bersatu padu di antara ahli-ahli adalah merupakan satu semangat yang telah menjiwai perjalanan persatuan ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pelitawanis atas kejayaan-kejayaannya dan berharap rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti Pelitawanis akan lebih berjaya dan bertambah maju demi kepentingan kebajikan semua ahli-ahlinya.

11. Akhir kata, saya dengan sukacitanya membuka Mesyuarat Agung Tahunan Pelitawanis yang ke-8 dengan rasminya.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
